



# BULETIN IKIM

اینسٹیتوت کفہام اسلام ملیسیا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA  
INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

## MAJLIS APRESIASI ANUGERAH PENCINTA NASYID IKIM 2020



Dari kiri ke kanan: Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengurus IKIM, En. Azhrul Nasir (Along Exist) Juara APNI 2020 (Rahsia dari Langit, Kumpulan Hikmah) dan En. Mahathir bin Shaharuddin, Pengurus Besar Radio ketika menyampaikan hadiah kepada Johan Anugerah Pencinta Nasyid IKIM.

Institut Kefahaman Islam Malaysia telah mengadakan satu Majlis Apresiasi sempena Anugerah Pencinta Nasyid IKIM 2020 (APNI 2020) bertujuan menyerahkan hadiah, sijil serta trofi kepada peserta-peserta dan pemenang-pemenang APNI 2020, selain menghargai sumbangan semua pihak yang terlibat menjayakan program ini pada 1 April 2021.

Ucapan perasmian oleh Pengurus IKIM, YABhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid antara lain menyatakan, "Saya ingin memaklumkan bahawa IKIM akan terus memartabatkan nasyid dengan penganjuran APNI 2021. Menerusi peranan yang dimainkan oleh Radio IKIM dan tvIKIM, nasyid akan terus diperkasa dengan penganjuran program-program ilmiah dan anugerah-anugerah lain yang akan diumumkan dari semasa ke semasa."

## WEBINAR MUZAKARAH PAKAR “PERANAN SALING MELENGKAPI ANTARA LELAKI DAN WANITA MENATIJAHKAN KEMAKMURAN”



Antara pembentang dan peserta yang terlibat dalam sesi webinar Muzakarah Pakar “Peranan Saling Melengkapi Antara Lelaki dan Wanita Menatijahkan Kemakmuran”.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan Muzakarah Pakar dengan tema “Peranan Saling Melengkapi Antara Lelaki dan Wanita Menatijahkan Kemakmuran” secara dalam talian yang disiarkan secara langsung melalui pelbagai pentas media sosialnya pada 9 April 2021.

Muzakarah Pakar ini antara lain bertujuan mencungkil potensi peranan saling melengkapi antara lelaki dan perempuan dalam memakmurkan negara, baik dalam ruang lingkup keluarga, tempat kerja, maupun masyarakat. Pengurus IKIM, YABhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, menyampaikan ucapan tema yang antara lainnya, “Menyentuh tentang konsep peranan saling melengkapi

antara lelaki dan wanita dalam Islam; kedudukan lelaki dan wanita dari perspektif Peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Keluarga Islam; dan, bagaimana peranan saling melengkapi antara lelaki dan wanita ini dapat meningkatkan produktiviti di tempat kerja.”

Muzakarah melibatkan tiga (3) orang pembentang, iaitu: Pengarah Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS) Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Madya Dr. Khalif Muammar bin A. Harris; Ketua Jabatan Siasah Syar‘iyah Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Sharifah Hayati binti Syed Ismail; dan pensyarah Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Dr. Najibah binti Mohd Zin, Fellow Kanan Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM, Pn. Hajah Siti Fatimah binti Abdul Rahman bertindak selaku Moderator di samping tiga (3) orang pengulas yang terdiri daripada Pengasas Akademi Dr. Har, Prof. Datuk Harlina Halizah binti Haji Siraj; Ahli Lembaga Pengarah IKIM dan Fellow Kehormat Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dato’ Noor Aziah binti Hj. Mohd Awal; dan Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh.

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Falsafah Sains Islam: Mengembalikan Sains Tauhidik” di Webinar Diskusi Sains Islam pada 29 Mei 2021 anjuran Lajnah Sains Gunaan dengan Pengajian Islam Universiti Malaya.

Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail telah membuat pembentangan secara dalam talian bertajuk “History of Neuroscientific Thought in Islamic Civilization: Ibn Sina (d.1037) and al-Ghazali (d.1111)” sebagai sebahagian Program Neurosains Kognitif USM pada 24 – 25 April 2021, hasil kerjasama IKIM dan Universiti Sains Malaysia.

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Hikmah di sebalik Covid-19” di Seminar Perkongsian Minda di Bulan Ramadan Tahun 2021, pada 16 April 2021, anjuran Jabatan Penyiaran Malaysia.

Temu bual secara dalam talian Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh bersama BERNAMA bertajuk “Nikmati Manfaat Berpuasa” pada 13 April 2021.

Felow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Pn. Norkumala binti Awang telah membuat pembentangan secara dalam talian bertajuk “Makanan Sihat dan Selamat, Ramadan Berkat” di Ceramah Energy of al-Quran pada 20 April 2021 anjuran Universiti Teknologi MARA.

Felow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Pn. Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Isu Kemusnahan Bumi” secara dalam talian di Webinar Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 201 pada 5 April 2021 anjuran Jabatan Alam Sekitar, Negeri Sembilan.

## KUNJUNGAN HORMAT PROF. DATUK DR. SHAMRAHAYU BINTI AB. AZIZ



Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengurus IKIM menyampaikan cenderahati kepada Prof. Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA

## PELANCARAN BUKU FIQH DAN ARAHAN PERUBATAN AWAL



Majlis Pelancaran buku Fiqh dan Arahan Perubatan Awal disempurnakan oleh Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Pusat KIAS IKIM.

Institut Kefahaman Islam Malaysia telah melancarkan penerbitan buku terbaru bertajuk *Fiqh dan Arahan Perubatan Awal* secara dalam talian pada 27 Mei 2021. Ucapan perasmian oleh Pengurus IKIM, YABhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid antara lain menyatakan, “Isu Arahan Perubatan Awal, atau dalam bahasa Inggerisnya Advance Medical Directive (AMD), mula dikaji oleh IKIM semenjak tahun 2015 menerusi pengajuran satu Muzakarah Pakar “Bioetika Islami Mengenai Isu Advance Medical Directive” yang disertai oleh pakar-pakar

## LANTIKAN PROFESOR KEHORMAT - UNIVERSITI MALAYA



Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM.

Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid telah menerima kunjungan hormat Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi Mara, Prof. Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz pada 1 April 2021.

perubatan, kesihatan, fiqh, perundangan dan etika. Hasilnya ialah terbitan buku pertama oleh IKIM yang berjudul *Arahan Perubatan Awal: Perspektif Bioetika Islami*.

Pada waktu yang sama, Muzakarah Pakar tersebut juga telah mengenal pasti tiga isu utama yang memerlukan penelitian lanjut iaitu, (1) Batasan autonomi pesakit dalam membuat arahan perubatan awal; (2) Keupayaan kognitif pesakit dalam membuat keputusan berkaitan pilihan rawatan; dan (3) Susunan wakil pesakit untuk membuat keputusan bagi pihak pesakit apabila pesakit hilang keupayaan untuk membuat keputusan sendiri.”

Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM telah dilantik sebagai Profesor Kehormat di Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya bagi tempoh tiga tahun sehingga 2024.

## ANUGERAH BUKU NEGARA



Dari kiri ke kanan: Pn. Sri Sarina Dewi binti Suhaimin, Pegawai Tadbir, En. Muhammad Hisyam bin Mohamad, Fellow Pusat EMAS dan Tn. Hj. Mohammad Rahaizad bin Hj. Mohamad Rasid, Penolong Pegawai Tadbir Kanan di majlis Anugerah Buku Negara 2020.

## ANUGERAH PENGAMAL MEDIA



Pn. Norhayati binti Paradi, Penerbit Rancangan Radio bersama trofi dan sijil yang dimenanginya pada Anugerah Pengamal Media 2020.

## MoU IKIM DAN UZBEKISTAN



Atas, dari kiri ke kanan: Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran, Pengarah Pusat SYARAK, Pn. Zarita binti Kasim, Perunding Korporat, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah

Bawah, dari kiri ke kanan: Pn. Enizahura binti Abdul Aziz, Fellow Pusat SYARAK, His Excellency Mr. Ravshan Usmanov, Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of Uzbekistan and Mr. Elbek Saidov, Second Secretary of the Embassy.

IKIM bersama Kedutaan Uzbekistan telah mengadakan satu perbincangan susulan pada 29 Julai 2021 melalui panggilan video bagi pelaksanaan MOU antara IKIM dan Institusi Islam di Uzbekistan.

Dua buah buku terbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia telah memenangi Anugerah Buku Negara 2020/2021: iaitu buku *Faraid dan Perancangan Pewarisan Harta Beku: Bidang Kuasa dan Amalan di Malaysia* bagi kategori Judul Terlaris, manakala buku *Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah* bagi kategori Buku Umum Terbaik (Bukan Fiksyen). Anugerah ini telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Sri Mustapha Mohamed pada 7 April 2021.


Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk "Sistem Opt-Out Menurut Perspektif Islam" di Webinar Siri Promosi Pendermaan Organ 2021 pada 6 Mei 2021 anjuran IKIM dengan Universiti Sains Malaysia.

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membahaskan tajuk "Transhumanism: Islamic Perspective" dalam Kuliah "Islam dan Neurosains" pada 29 Mei 2021, sebagai sebahagian kerjasama IKIM dengan Universiti Sains Malaysia.

Radio IKIM telah menerima Anugerah Pengamal Media Paling Menyokong (Kategori Radio) melalui Penerbit Rancangan & Penyampai Radio IKIM, Pn. Norhayati Paradi, sempena program Cybersafe bersama Media anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada 30 April 2021.

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membahaskan tajuk "Brain Death from the Medical and Islamic Perspective" dalam Kuliah "Islam dan Neurosains" pada 30 Mei 2021, sebagai sebahagian kerjasama IKIM dengan Universiti Sains Malaysia.

## MoU IKIM DAN UZBEKISTAN



Atas, dari kiri ke kanan: Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran, Pengarah Pusat SYARAK, Pn. Zarita binti Kasim, Perunding Korporat, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah

Bawah, dari kiri ke kanan: Pn. Enizahura binti Abdul Aziz, Fellow Pusat SYARAK, His Excellency Mr. Ravshan Usmanov, Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of Uzbekistan and Mr. Elbek Saidov, Second Secretary of the Embassy.

IKIM bersama Kedutaan Uzbekistan telah mengadakan satu perbincangan susulan pada 29 Julai 2021 melalui panggilan video bagi pelaksanaan MOU antara IKIM dan Institusi Islam di Uzbekistan.

Perbincangan dihadiri oleh Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of Uzbekistan, His Excellency Mr. Ravshan Usmanov and Mr. Elbek Saidov, Second Secretary of the Embassy, manakala IKIM diwakili oleh Ketua Pengarah, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Pengarah Pusat SYARAK, Dr. Mohd Farid bin Shahran dan Fellow Pusat SYARAK, Pn. Enizahura binti Abd Aziz.

Semoga segala perancangan dan usaha kerjasama ini dapat meningkatkan kefahaman Islam bukan sahaja dalam kalangan masyarakat di Malaysia, tetapi juga ummah sejagat.

Temu bual secara dalam talian Pengurus Pemasaran, Bahagian Ekonomi dan Pemasaran IKIM, En. Al Iskandar bin Mokhtar bersama TV Al-Hijrah bertajuk "Promosi Iklan di Radio IKIM" pada 20 Mei 2021.

Temu bual secara dalam talian Fellow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Pn. Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin bersama TV Al-Hijrah bertajuk "Pemulihan Ekosistem: Sudut Pandang Islam" pada 14 Jun 2021.

Temu bual secara dalam talian Penerbit Rancangan Radio, En. Mohd Faiz bin Othman bersama TV Al-Hijrah bertajuk “Rancangan Baru Terbitan Radio IKIM” pada 24 Jun 2021.

Perkongsian berkaitan buku terbitan baharu IKIM iaitu “*Fiqh dan Arah Perubatan Awal*” bersama Pegawai Penyelidik, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, En. Mohammad Mustaqim bin Malek dalam slot Assalamualaikum di TV Al-Hijrah pada 27 Mei 2021.

Pengurus Program Radio/Penerbit Drama Radio, Pn. Hajah Nik Hasnah binti Ismail bersama pelakon drama Nur Hikmah IKIM, Saudara Mohammad Syafie bin Naswip (Syafie Naswip) telah ditemu bual oleh TV Al-Hijrah pada 28 April 2021 berkenaan Drama Radio IKIM yang disiarkan sepanjang bulan ramadan nanti.

## SAMBUTAN ULANG TAHUN RADIO IKIM KE-20



20 tahun yang lalu, pada tanggal 6 Julai 2001, Radio IKIM telah dilancarkan. Bermula sebagai satu-satunya radio Islam tanah air yang beroperasi menggunakan sistem digital sepenuhnya, Radio IKIM telah berkhidmat kepada masyarakat Malaysia dan dunia amnya, dengan bersiaran selama 24 jam tanpa henti dan sekarang dapat pula diikuti di seluruh dunia dengan wujudnya aplikasi radio dalam talian.

Sepanjang tempoh tersebut, Radio IKIM telah berusaha meningkatkan kefahaman Islam menerusi rancangan-rancangan yang menyampaikan ilmu serta maklumat berguna dan juga menerusi hiburan yang berpandukan nilai-nilai Islami. Untuk menjayakan rancangan-rancangannya, Radio IKIM telah mengundang para ilmuwan Islam, seperti Mufti, profesor-profesor, dan wakil saudara-saudara baharu. Radio IKIM banyak mempersempbah pentafsiran ayat-ayat suci Al-Quran dan menjelaskan hadith-hadith.

Hasil-hasil penyelidikan, penerbitan dan program IKIM turut disiarkan melalui rancangan-rancangan seperti Resolusi, Sains dan Islam, Dunia Ekonomi dan lain-lain.

Pada tahun 2021, pelbagai program diwujudkan dengan pengamalan kebiasaan baharu (norma baharu) seperti; (i) program “IKIM Bermunajat”, sebagai usaha mendoakan keselamatan rakyat Malaysia daripada pandemik COVID-19; (ii) program “Forum Bicara Ad-Din” dengan tajuk “Cabaran Penyiaran Radio Islami Di Era Kemajuan Digital”; dan (iii) siaran ucapan-ucapan ulang tahun oleh rakan-rakan kerjasama, pengiklan dan pendengar Radio IKIM, untuk mendapat pandangan mengenai penambahbaikan siaran-siaran Radio IKIM.

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM  
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM  
50480 KUALA LUMPUR



03 6204 6200



pr@ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia



myIKIM



@myIKIM



IKIM